

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 30 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L793
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan pemasangan papan-papan tanda iklan di premis-premis perniagaan mematuhi ejaan Bahasa Melayu yang betul, bukannya bahasa "rojak" seperti mana yang berlaku sekarang.

2. PN-1131-L145
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan:-
 - (a) apakah pelan tindakan seterusnya oleh Kementerian untuk 'menyelamatkan' warisan seni dan kesinambungan aktiviti kraf dan seni di Pasar Seni (Central Market); dan

 - (b) sejauh manakah tindakan Kementerian memelihara warisan kebudayaan masyarakat Melayu yang kian terhakis akibat kemasukan budaya kuning dari luar negara dan adakah kementerian bercadang untuk mengusulkan kepada kabinet akan keperluan melantik Setiausaha Parlimen khasnya bagi membantu Kementerian memastikan hal-hal kepentingan kebudayaan warisan Melayu terus diperjuangkan dan terpelihara.

3. PN-1131-L384
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan Pusat Bertauliah yang menjalankan Program Majlis Latihan Vokasional Negara dan apakah kriteria untuk mendapatkan bantuan Tabung Perbadanan Pembiayaan Kemahiran (PTPK)
4. PN-1131-L454
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan masalah yang dihadapi dalam Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan yang dilaksanakan pada tahun 2005 dan berapakah peratusan orang ramai yang tidak menghantar borangnya dalam tempoh yang ditetapkan dan berapa peratusan borang yang tidak lengkap dan resolusi Kementerian terhadap masalah tersebut.
5. PN-1131-L301
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang supaya semua rakyat Malaysia yang berkemampuan menyertai skim perlindungan insurans nyawa dan perubatan seperti mana yang sedang dipraktikkan dengan berleluasa di negara-negara maju.
6. PN-1131-L555
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian memberi sebarang galakan dan ganjaran kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa mereka yang uzur seperti pengurangan cukai dan sebagainya.
7. PN-1131-L595
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memantau projek-projek yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat.
8. PN-1131-L278
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah masih tidak ada mana-mana jabatan Kerajaan yang menyimpan rekod lengkap warga asing khususnya maklumat cap jari dan ujian DNA. Tidakkah ini akan menyulitkan usaha pihak polis untuk membanteras jenayah yang semakin meningkat yang melibatkan pekerja warga asing.

9. PN-1131-L407
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kelonggaran penguatkuasaan di pusat-pusat hiburan sehinggakan ada premis yang telah tujuh kali diserbu pihak polis kerana tidak mempunyai permit sedangkan sasaran kedua yang hendak dicapai dalam pelan integriti nasional (PIN) ialah meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi.
10. PN-1131-L323
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah usaha Kementerian bagi merealisasikan kewujudan Pusat Industri Bersepadu Berasaskan Pertanian untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkonsepkan guna sama dapat dicapai. Apakah halangan yang dikenal pasti dapat melambatkan proses pusat industri bersepadu dilaksanakan.
11. PN-1131-L190
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk mempromosikan pulau-pulau dan pantai-pantai indah Malaysia kepada pelancong-pelancong dari Negara China yang telah membuat aduan bahawa mereka semakin tidak berminat untuk berkunjung ke bandar besar seperti Kuala Lumpur.
12. PN-1131-L206
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan selain Singapura dan Hong Kong, nyatakan negara-negara lain yang mengimport buah-buahan dan produk pertanian negara kita dan adakah kedutaan luar negara dan Matrade turut membantu dalam usaha meningkatkan eksport ini.
13. PN-1131-L155
Datuk (Dr). Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat bagi setiap filem yang diimport untuk tayangan di pawagam atau TV, negara-negara yang berkenaan juga hendaklah berbuat demikian khususnya di kalangan Negara-negara Asean.
14. PN-1131-L343
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan objektif pelaksanaan persekolahan satu sesi di seluruh daerah Setiu, Terengganu dan apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan ini.

15. PN-1131-L257
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat cadangan-cadangan untuk memajukan sistem perhubungan infrastruktur di Kelantan memandangkan cadangan untuk membina IPTA telah pun diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri.
16. PN-1131-L531
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mengeluarkan apa-apa bentuk panduan berpakaian kepada atlet negara terutamanya wanita semasa sukan di peringkat negara seperti SUKOM.
17. PN-1131-L426
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah penduduk tetap di negara kita dan perangkaannya mengikut negara asal mereka.
18. PN-1131-L737
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peranan sektor pertanian sebagai instrumen mendekati jurang perbezaan dalam pendapatan di antara bandar dan luar bandar dan keduanya, sebagai juara untuk membasmi kemiskinan:-
- (a) mampukah Kementerian memainkan dua peranan penting ini. Bagaimanakah ianya dapat dijayakan; dan
 - (b) bagaimana ia menukar minda dan meyakinkan penduduk luar bandar supaya terus tinggal di luar bandar untuk mengusahakan program pertanian di sana dan tidak berhijrah ke bandar untuk mencari pendapatan hidup.
19. PN-1131-L761
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong daripada Timur Tengah (Negara-negara Arab) untuk melancong ke negara kita.
20. PN-1131-L699
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah mewujudkan beberapa dana baru untuk meningkatkan peranan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam usaha menjadikan sektor itu pemacu pertumbuhan perindustrian negara untuk lima tahun akan datang. Apakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menerangkan dengan lebih lanjut dana-dana yang berkaitan dengan PKS dan di bawah tanggungjawab siapa dan adakah pembangunan sistem bangunan berindustri (industrialized buiding system) tergolong dalam kelayakan dana ini.

21. PN-1131-L638
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kenderaan pendaftaran Malaysia dalam semua kategori yang berulang-alik dari tahun 2001 hingga 2005 ke Singapura dan nyatakan jumlah kenderaan pendaftaran Singapura yang berulang -alik ke Malaysia dalam tempoh tersebut dan nyatakan anggaran pendapatan yang akan diperolehi daripada levi atau cukai yang dikenakan pada kenderaan pendaftaran Singapura untuk tempoh 5 tahun akan datang.
22. PN-1131-L434
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana MAS boleh mencapai keuntungan sehingga RM50 juta pada tahun 2007.
23. PN-1131-L629
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sehingga tarikh memindahkan Artikel 8 di dalam Perlembagaan Malaysia untuk memberi kuasa yang sama (equal rights) kepada kaum wanita, adakah semua undang-undang yang mendiskriminasikan wanita di batalkan dan sila namakan undang-undang yang belum dibatalkan lagi.
24. PN-1131-L717
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelawat ataupun pendatang tanpa izin yang tidak dapat dikesan dalam 3 tahun yang lepas dan bagaimana Kerajaan akan menangani masalah ini.
25. PN-1131-L691
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang telah menerima bantuan biasiswa JPA bekerja di luar negara sejak lima tahun kebelakangan ini.
26. PN-1131-L500
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah lesen perkapalan yang telah dikeluarkan pada tahun 2005. Nyatakan juga peratusan lesen perkapalan tempatan daripada jumlah tersebut .
27. PN-1131-L804
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dan juga kelas-kelas tempat belajar di Sekolah Agama Islam Sabah (SUIS); dan
 - (b) apakah cadangan-cadangan pihak Kementerian supaya sekolah-sekolah agama mempunyai kelengkapan, kemudahan dan persekitaran yang sama dengan sekolah-sekolah Kerajaan.

28. PN-1131-L475
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan senarai sekolah-sekolah Tamil yang usang, lama dan diperbuat daripada kayu yang perlu digantikan di Semenanjung Malaysia mengikut kawasan Parlimen.
29. PN-1131-L741
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang akan memberhentikan perkhidmatan kakitangannya dan siapakah pekerja yang terlibat. Adakah dari golongan kakitangan rendah atau dari golongan pentadbiran dan berapakah jumlah kakitangan bumiputera yang akan diberhentikan.
30. PN-1131-L220
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pemeriksaan kenderaan komersial khususnya bas dan lori dilaksanakan dengan efektif oleh PUSPAKOM memandangkan kemalangan yang melibatkan kedua-dua kenderaan ini masih tinggi. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasinya.
31. PN-1131-L361
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat menjamin bahawa pekerja-pekerja sektor perbankan yang berlebihan akibat penggabungan bank-bank tidak akan ditindas ataupun diberhentikan kerja tanpa pampasan yang berpatutan dan apakah bantuan yang akan diberikan kepada pekerja-pekerja ini untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan di sektor yang lain.
32. PN-1131-L665
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pencapaian Pusat Penyelidikan Pertahanan di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R & D) berbanding dengan lain-lain pusat penyelidikan di negara ini.
33. PN-1131-L605
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Tamil (SRJKT) mengalami kekurangan guru setiap awal hingga pertengahan tahun. Apakah Kementerian tiada perancangan supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi. Apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru dalam SRJKT ini.

34. PN-1131-L561
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tahap kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kerajaan setakat ini di dalam menyelaraskan sistem pembelajaran, pendidikan dan asuhan kanak-kanak di peringkat pra-sekolah di seluruh negara. Apakah ada jangka masa ditetapkan untuk mencapai satu tahap penyelarasan di bawah satu Dasar Nasional agar pertumbuhan minda, sosial, budaya dan pengetahuan am anak-anak Malaysia yang berbagai agama, kaum dan keturunan dapat diseimbangkan selain diberi peluang serta pendedahan yang sama atau tidak banyak bezanya.
35. PN-1131-L419
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi banjir siswazah menganggur yang telah mencapai 60,000 orang.
36. PN-1131-L516
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan strategi tindakan awalan bagi membendung inflasi terhadap keperluan asas seperti gula, beras dan sebagainya akibat tidak ketentuan harga minyak dunia. Apakah Kerajaan akan memastikan barang-barang keperluan asas dapat dibeli terus oleh pengguna daripada pengeluar barangan asas.
37. PN-1131-L236
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan memperjelaskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam visi 2020 diterjemahkan dalam RMK-9 dan bagaimanakah pula prinsip-prinsip tersebut akan tercapai menjelang tahun 2020.
38. PN-1131-L453
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kereta yang ditarik balik setiap tahun dari tahun 2001-2005 disebabkan peminjam tidak dapat membayar pinjaman dan data tersebut perlu dikategorikan berdasarkan umur peminjam.
39. PN-1131-L579
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah dalam usaha menjadikan pentadbiran sesebuah masjid berkualiti dengan pengambilan pegawai-pegawainya yang berkelulusan tinggi agama telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan bagaimanakah prestasi yang telah ditunjukkan oleh masjid-masjid berkenaan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [29 Mei, 2006]

2.	(D.R. 7/2006)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(D.R. 5/2006)	Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006	“
4.	(D.R. 4/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006	“
5.	(D.R. 8/2006)	Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 ;	“
6.	(D.R. 9/2006)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006;	“
7.	(D.R. 3/2006)	Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006;	“
8.	(D.R. 6/2006)	Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;	“
9.	(D.R. 26/2005)	Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005; dan	“
10.	(D.R. 2/2006)	Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006.	“

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.140	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	30 Mei 2006
ST.144	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2003	30 Mei 2006
<u>TAHUN</u> <u>2006</u>		
ST.22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	30 Mei 2006
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) Bagi Tahun 2002	30 Mei 2006
ST.28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) Bagi Tahun 2003	30 Mei 2006
ST.97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	30 Mei 2006
ST.100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Bagi Tahun 2004	30 Mei 2006